

Taska: Sektor awam sambut dingin

u.m m/s 6 20.3.07

PUTRAJAYA 19 Mac – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil tidak puas hati dengan sambutan dingin sektor awam terhadap saranan mewujudkan taman asuhan kanak-kanak (Taska) untuk kakitangan mereka walaupun kerajaan bersetuju menawarkan geran sehingga RM80,000.

Beliau berkata, setakat ini hanya 26 kementerian, agensi dan badan berkanun yang telah membuka Taska untuk kakitangan mereka di premis masing-masing.

Katanya, perkara itu berlaku kerana sektor awam tidak meletakkannya sebagai satu keutamaan.

“Harus diingat, jika lebih ramai kaum wanita berhenti kerja kerana kesukaran untuk menjaga anak, ia akan memberi kesan yang serius kepada pembangunan ekonomi negara.

“Lagipun, pembukaan Taska berkenaan turut meringankan beban kakitangan awam berpendapatan bawah RM2,000 kerana kerajaan beri subsidi yuran pengasuhan sebanyak RM180 sebulan bagi setiap anak berumur sehingga empat tahun,” katanya.

Pembukaan Taska berkenaan turut meringankan beban kakitangan awam berpendapatan bawah RM2,000 kerana kerajaan beri subsidi yuran pengasuhan sebanyak RM180 sebulan bagi setiap anak berumur sehingga empat tahun

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Program Keluarga @ Kerja anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Sehubungan itu, Shahrizat menyeru kementerian, agensi dan badan berkanun yang masih belum mempunyai Taska untuk kakitangan mereka agar berbuat demikian secepat mungkin.

“Ia juga sejajar dengan matlamat kementerian pada tahun ini untuk memastikan tempat kerja khususnya di sektor awam adalah lebih mesra keluarga,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian menasaskan lebih 11,700 kakitangan awam akan menyertai Program Keluarga @ Kerja sepanjang tahun ini.

Katanya, program yang mendapat kelulusan Kabinet itu menyenaraikan sebanyak 168 kursus dan akan bermula April ini.

“Saya akan memantau secara lebih dekat bagi melihat sejauh manakah program itu akan mendapat sambutan di kalangan kaum lelaki.

“Jika sambutannya kurang memuaskan, saya akan mengadakan perbincangan dengan KSN untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

**SHAHRIZAT
ABDUL JALIL**
Menteri
Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan Masyarakat